

Pendidikan Etika dalam Mendepani Pandemi COVID-19: Analisis Menurut Perspektif Surah Al-Balad

Ethical Education in Responding to the COVID-19 Pandemic: An Analysis Based on the Perspective from Surah Al Balad

Siti Sarah Izham¹ & Shahirah Said²

¹ Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, 40450, Malaysia, e-mail: sarahizham@um.edu.my

² Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Cawangan Pulau Pinang, Kampus Permatang Pauh, 13500, Malaysia, e-mail: shahirah4572@uitm.edu.my

ABSTRAK

Perintah kawalan pergerakan (PKP) yang dilaksanakan oleh kerajaan ekoran penularan wabak COVID-19, telah membawa kepada beberapa impak. Ia dapat dilihat menerusi keruncingan masalah sumber pendapatan yang dihadapi oleh masyarakat. Perkara ini berlaku ekoran penutupan beberapa sektor pekerjaan yang menjadi punca rezeki. Ada yang dikurangkan gaji dan ada yang dibuang kerja. Selain itu, akibat terlalu lama berada di rumah, berlaku ketepuan dan pelbagai salah laku yang memberi kesan terhadap etika masyarakat. Contohnya seperti sumbang mahram dan menulis perkara-perkara yang mengandungi unsur perbalahan, caci maki serta tuduhan yang tidak berasas di media massa. Justeru, matlamat utama kajian ini adalah untuk menganalisis dan mengenal pasti panduan al-Quran berdasarkan surah al-Balad mengenai pendidikan etika yang dapat diaplikasikan dalam mendepani pendemik COVID-19. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan metode analisis kandungan. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat lima panduan al-Quran berdasarkan surah al-Balad berkaitan pendidikan etika yang dapat menjadi panduan dalam menghadapi pendemik COVID-19. Pertama, pemerkasaan institusi kekeluargaan. Kedua, penjagaan mata, lidah dan bibir. Ketiga, menghulurkan sumbangan. Keempat, memartabatkan anak yatim. Dan terakhir, berpesan-pesan kepada kebaikan dan kasih sayang.

Kata kunci: Etika; Institusi kekeluargaan; Sumbangan; al-Balad

ABSTRACT

The movement control order (MCO) implemented by the government due to the outbreak of COVID-19 has led to several impacts for example, financial crisis. This condition happened due to the closure of several economic sectors that became the main source of livelihood. Some workers are facing a shortage in their salary and some have been terminated from their job. Moreover, due to being stranded at

home, some people would begin to develop the feeling of emptiness and start to commit non-ethical behaviour for example incest, uploading polemical writings, insults and accusations through mass media. Therefore, the main goal of this study is to analyze and identify the guidance of the Qur'an, especially in surah al-Balad, on ethical education that can be applied in the face of the COVID-19 pandemic. This study uses a qualitative approach by using content analysis methods. The results show five essential things related to ethical education that can become a guideline in dealing with the COVID-19 pandemic: first, the empowerment of family institutions, observing manners, dignifying the orphans, and lastly, always spreading the word of kindness and love.

Keywords: Ethics, family institutions, donate, al-Balad

1. Pendahuluan

Penularan wabak COVID-19 ini begitu pantas sehingga membawa kepada kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kepada seluruh negara. PKP ini telah bermula sejak dari 18 Mac 2020 dan masih berterusan sehingga Ogos 2021. PKP ini menuntut semua rakyat Malaysia untuk *stay at home* atau duduk di rumah. Maka bermulalah rutin yang tidak pernah dibayangkan akan berlaku. Seluruh ahli keluarga kembali berkumpul dalam sebuah rumah, bekerja dari rumah, belajar dari rumah, berniaga dari rumah hatta bermain pun di dalam rumah. Terdapat banyak isu etika dan kegagalan moral yang berlaku dalam masyarakat secara umumnya. Institusi kekeluargaan tidak mampu lagi berfungsi secara rasional dan menjadi tempat utama untuk berlindung (Tengku Alina Tengku Ismail & Zaharah Sulaiman, 2020). Oleh itu, perlu kepada pengkajian serta penyelidikan yang berterusan bagi membangun dan membaik pulih moral dan etika masyarakat hari ni.

2. Pernyataan Masalah

Umumnya sejak perlaksanaan PKP di Malaysia, ia telah menurunkan kadar jenayah konvensional. Menurut Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Hamid Bador (2021), kewujudan beratus-ratus sekatan jalan raya (SJR) menyukarkan penjenayah untuk bergerak bebas. Namun sebaliknya, kes jenayah bukan konvensional didapati meningkat. Antara kes jenayah tersebut adalah seperti sumbang mahram, pornografi kanak-kanak, buli siber, penipuan (*scam*) atas talian dan bunuh diri (Hafidzul Hilmi Mohd Noor, 2021).

Jenayah ini meningkat apabila ramai yang hilang sumber pendapatan. Menurut laporan yang direkodkan oleh Sistem Insurans Pekerja (SIP), seramai 99, 696 pekerja telah diberhentikan antara Januari sehingga 27 November 2020 akibat penularan COVID-19 (Hasimi Muhammad, 2020). Isu

tersebut menyebabkan berlaku keresahan dan tekanan hidup yang sangat tinggi dalam kalangan rakyat. Kajian Ipsos Malaysia mengenai tekanan tenaga kerja rakyat Malaysia pada 2021 melaporkan bahawa terdapat 74% kegelisahan terhadap situasi pekerjaan, 67% tekanan akibat perubahan rutin bekerja dan 58% tekanan akibat keluarga (Isabelle Leong, 2021).

Tekanan ini memberi kesan yang ketara dalam semua aktiviti sosial terutamanya institusi kekeluargaan. Hasil kajian Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) mendedahkan terdapat 20.4% lelaki sukar mengawal kemarahan. Lelaki sebagai ketua keluarga pasti menerima impak yang lebih besar dalam mengurus keluarga. Menurut Anita Abu Bakar dan Nur Zuraida Zainal (2021), antara kesan lain adalah kelesuan ibu dalam mengurus rumah, emosi anak-anak yang agresif dan tidak stabil, hilang minat dalam pembelajaran, komunikasi yang tidak berkesan antara ahli keluarga, salah guna dadah, seks bebas, trauma kehilangan orang yang tersayang, keganasan rumah tangga dan lain-lain lagi. Hal ini bukan sahaja membabitkan tahap kesihatan mental, emosi dan fizikal seseorang terganggu tetapi juga memberi kesan terhadap individu sekeliling (Tengku Alina Tengku Ismail & Zaharah Sulaiman, 2020; Balkish Awang, 2021).

Dalam pada itu, ketepuan berada di rumah mengakibatkan interaksi dengan dunia luar adalah melalui medium media sosial. Maka berbagai-bagai sikap dan perangai dapat dikenal pasti seperti mengumpat secara terang-terangan, mencaci, melontarkan bahasa yang kesat dan sebagainya. Selain itu, berlaku juga kemerosotan ekonomi akibat dipotong separuh gaji, dipotong elaun-elaun penting yang selama ini membantu pendapatan keluarga dan yang paling tragis ialah hilang mata pencarian keluarga akibat dibuang kerja. Hal ini seperti yang dilaporkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (Medac), 2021 yang menjangkakan bahawa lebih daripada tujuh juta rakyat Malaysia bakal kehilangan pekerjaan susulan penutupan operasi sektor Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) (Eddy Aqmal Mohamed Hamidi, 2021).

Melihat dari sudut impak wabak COVID-19 pula khususnya dari sudut kesihatan, terdapat lebih 1,746,254 jumlah kes keseluruhan telah berlaku sebagaimana dilaporkan pada 31 Ogos 2021, yang telah mengorbankan seramai 16,664 orang (KKM, 2021). Dengan angka sebesar 16, 664 ini pastilah melibatkan kematian sama ada ibu atau bapa, atau ibu dan bapa seseorang. Ini menyebabkan anak-anak menjadi yatim semakin bertambah akibat COVID-19 (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2021).

Melihat kepada isu-isu yang diutarakan di atas, maka kajian ini sangat penting bagi menganalisis pendidikan etika yang perlu ada dalam masyarakat hari ini agar dapat membantu ke arah kesejahteraan masyarakat pasca COVID-19. Oleh itu, kajian ini akan menganalisis dan mengenal pasti panduan al-Quran yang memfokuskan kepada surah al-Balad mengenai

pendidikan etika yang dapat diaplikasikan dalam mendepani wabah pandemi COVID-19 ini. Sudah pasti, panduan daripada al-Quran adalah sebaik-baik panduan kerana ia datang daripada Allah SWT dan sememangnya al-Quran adalah petunjuk ke jalan yang lurus dan terpakai dalam segenap kehidupan manusia.

3. Metodologi

Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan dua kaedah utama. Pertama, kaedah pengumpulan data. Data dikumpulkan menggunakan metode dokumentasi yang diperolehi daripada sumber yang autentik, kitab-kitab tafsir, jurnal, buku dan laporan berita memandangkan isu ini bersifat kontemporari. Kaedah kedua pula ialah analisis data. Metode yang digunakan adalah induktif, deduktif, komparatif dan analisis kandungan.

Pemilihan surah al-Balad bagi kajian ini adalah kerana surah al-Balad merupakan surah yang Allah SWT bahaskan berkaitan dengan sebuah negeri, dalam masa sama ia terpakai untuk sebuah negara. Perbincangan dalam surah tersebut adalah berkisar berkaitan pembinaan dan keperluan yang mesti dilaksanakan dalam membentuk sebuah negeri dan negara yang sejahtera.

4. Dapatan dan Perbincangan

Perbincangan dalam bahagian ini dibahagikan kepada tiga bahagian utama. Pertama: Berkaitan pendidikan etika, kedua: surah al-Balad dan ketiga: Analisis pendidikan etika berdasarkan surah al-Balad.

4.1 Pendidikan Etika

Terlebih dahulu dijelaskan perbincangan ini adalah berkait dengan istilah pendidikan dan etika yang akan dibincangkan secara berasingan. Seterusnya, membuat rumusan berkaitan pendidikan etika yang digunakan dalam kertas kerja ini.

Pendidikan merupakan satu proses yang penting bagi memastikan isi kandungan al-Quran dapat direalisasikan dalam masyarakat. Ibnu Khaldūn menjelaskan, proses pendidikan tidak dapat dipisahkan daripada pembentukan masyarakat. Pembentukan masyarakat ini juga perlu berasaskan kepada akidah dan ilmu pengetahuan. Hal ini bagi memastikan insan yang dididik dapat dibentuk menjadi *khalifatullah* serta mampu melaksanakan segala tanggungjawabnya. Pemisahan antara akidah dan ilmu akan menjadikan manusia yang tidak seimbang dan melakukan kerosakan di muka bumi (Ab. Halim Tamuri dan Nurhanani Hussin, 2015). Hal ini turut dibincangkan oleh Mohd Kamal Hassan (2012), iaitu terdapat pelbagai cabaran yang dihadapi umat Islam hari ini. Antaranya terdapat penyakit

sosial dan budaya yang semakin kronik dan sangat membimbangkan seperti seks bebas, penyalahgunaan dadah, hedonisme, korupsi, lemahnya sistem integriti negara dan lain-lain lagi. Oleh itu, ia perlu kepada pemeraksanaan serta kefahaman yang tinggi dalam pendidikan Islam bagi berdepan dengan cabaran-cabaran tersebut.

Menurut Saharia Ismail (2015), dalam mendidik manusia, Islam mengambil kira hakikat kejadian manusia yang terdiri daripada jasmani, akal, dan jiwa. Dengan itu, Islam mendidik manusia secara menyeluruh serta meliputi semua aspek kehidupannya. Hal ini turut sama dijelaskan oleh Amir Mohd Nason dan Mohd Shukri Hanapi (2019). Pendidikan berasaskan hati dan jiwa atau dengan istilah *qalbu* merupakan satu strategi penting serta bersifat holistik. Pendidikan berasaskan *qalbu* ini juga meletakkan hati sebagai alat yang utama dalam penyampaian dan penerimaan ilmu.

Pendidikan juga menjadikan manusia lebih memahami konsep '*ubudiyah*' terhadap Allah SWT. Ia merupakan faktor besar yang mempengaruhi peribadatan manusia sebagai makhluk. Proses ini juga perlu didasari dengan pendidikan yang beracuankan Islam bermula daripada kefahaman tentang konsep ilmu yang menyeluruh serta berpaksikan kepada kekuatan akidah (Ikhwani Lubis SE, MM, Maimun Aqsha Lubis, Siti Hajar Taib, Mohd Azaharin Ismail & Wan Ali Akhbar Wan Abdullah, 2021).

Pendidikan dalam Islam secara tidak langsung merujuk kepada proses tarbiah yang melibatkan pembentukan keseluruhan elemen yang wujud dalam kehidupan seseorang. Ia merangkumi aspek pemikiran, fizikal, rohani, spiritual serta dapat memperbaiki hubungan manusia sesama manusia dalam konteks sosial. Selain tarbiah, pendidikan juga berkait rapat dengan *ta'dib*. Menurut Rusliza Othman dan Kamarul Shukri Mat Teh (2018), pendidikan *ta'dib* merupakan adab yang sangat penting bagi menyelesaikan isu kemasyarakatan. Pendidikan *ta'dib* juga merujuk kepada satu usaha membentuk manusia yang berkeperibadian dan menyedari tanggungjawab serta janji mereka terhadap Allah SWT.

Oleh itu pendidikan berteraskan Islam merupakan salah satu usaha yang penting dan perlu berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah. Hal ini dapat membentuk sikap, kemahiran, keperibadian serta pandangan hidup seseorang. Seterusnya memberi kesan terhadap kesejahteraan keluarga dan masyarakat. Dalam pada itu Sidek Baba turut menjelaskan terdapat hubungan yang jelas antara pendidikan dan ilmu. Bagi menjadikan Muslim yang unggul dari aspek ilmu mengurus diri dan ilmu mengurus sistem seperti ilmu sains, teknologi, kemasyarakatan dan lain-lain lagi, ia harus kembali kepada pendidikan yang sepadu dan holistik. Tanpa memisahkan agama dan disiplin ilmu yang lain (Zuraidah Othman, 2012).

Seterusnya istilah etika yang berasal daripada bahasa Greek bermaksud kegiatan praktikal yang berkait dengan tingkah laku adat, gaya

hidup, cara berfikir dan kecenderungan seseorang dalam melakukan sebarang aktiviti (Shaharir Mohd Zain, 2020). Al-Qardhawi menjelaskan etika Islam merujuk kepada etika pada diri sendiri, etika pada keluarga, etika pada masyarakat, etika pada alam dan peringkat yang paling tinggi adalah etika kepada Allah SWT (Mardzelah Makhsin, 2006). Oleh itu, etika merupakan suatu set peraturan kehidupan manusia yang menjadi garis panduan serta dasar dalam kehidupan. Etika juga menjadi pengukur dalam konteks interaksi manusia dengan manusia, manusia dengan alam serta manusia dengan Pencipta. Etika secara umumnya mempengaruhi pelbagai bidang seperti pengurusan, pembangunan, agama, dan ekonomi. Etika yang baik perlu dijadikan asas dan tunjang dalam kehidupan agar dapat mencapai kesejahteraan hidup dan keredaan Allah SWT (Ruslan Hassan, Farid Mat Zain, Kaseh Abu Bakar & Azmul Fahimi, 2020 dan Mansoureh Ebrahimi & Kamaruzaman Yusoff, 2017).

Menurut HAMKA, etika melibatkan perlakuan baik dan buruk yang telah ditetapkan oleh sesuatu sistem nilai yang dipersetujui umum. Walaupun kadang kala sistem nilai yang dituruti umum itu buruk sifatnya tetapi ia masih bertahan kerana masih ada yang mendukungnya. Tanpa etika yang kukuh, sesuatu masyarakat itu akan hancur dan kehidupan akan menjadi porak-peranda. Etika yang baik ialah etika yang dapat menenteramkan jiwa dan menyenangkan pandangan orang lain terhadap diri (Abdul Rahman, 2007). Etika amat penting dan menjadi tunjang bagi manusia hidup dan berkembang. Ini kerana jika etikanya buruk, buruklah diri, keluarga, masyarakat, bangsa dan seluruh manusia. Sebaliknya jika etikanya baik, baiklah semua (Shahnon Ahmad, 1981). Ini memberi maksud bahawa apa sahaja dalam kehidupan ini memerlukan kepada panduan etika. Jika tidak manusia akan terumbang-ambing tanpa tujuan dan akan sentiasa melakukan kerosakan.

Menurut Shaharir Mohd Zain (2020), walaupun istilah etika sering disamakan dengan moral, namun terdapat perbezaan antara keduanya. Moral dianggap satu sistem yang diterima dalam masyarakat. Manakala etika lebih bersifat refleksi dan dijelaskan dalam bentuk teori. Seiring dengan pendapat tersebut Mardzelah Makhsin (2006) menjelaskan, etika adalah satu proses menyelidik, memikir dan membuat pertimbangan baik serta buruk. Namun apa yang lebih utama, etika menurut pandangan Islam ialah kelakuan dan tindakan manusia yang bersifat universal dan holistik (Abdurezak A. Hashi, 2011)

Tindakan manusia ini umumnya didasari dengan kod dan prinsip etika tertentu. Menurut Fazlur Rafman (1995), etika yang bersandarkan kepada tradisi, daya intelek, pengalaman, kecenderungan nafsu dan kepentingan tertentu menjadikan kod dan prinsip etika tidak stabil dan banyak kekurangannya. Sekali gus memberi kesan terhadap kesejahteraan sesebuah masyarakat. Oleh itu wahyu Allah SWT merupakan sumber utama dan

alternatif terbaik bagi menyelesaikan kecelaruan etika dalam masyarakat (Kamal Azmi Abd Rahman, Indriaty Ismail dan Mohd Nasir Omar, 2015).

Etika menurut perspektif Islam adalah sinonim dengan istilah akhlak. Secara terminologinya, akhlak berasal daripada bahasa Arab yang bermaksud tabiat, adab, maruah, dan seumpama dengannya (Shaik Abdullah Hassan Mydin, Abdul Salam Muhammad Shukri & Mohd Abbas Andul Razak, 2020). Akhlak juga ditonjolkan hasil interpretasi jiwa dan roh seseorang. Disebabkan akhlak berhubung dengan kejiwaan, maka akhlak dijelaskan sebagai satu disiplin ilmu yang mendidik manusia untuk membersihkan jiwa dan nafsu serta tunduk kepada tuntutan *Khaliq*. Ibn Khaldun menyatakan bahawa agama mempunyai matlamatnya iaitu ke arah pembinaan akhlak yang baik sama ada melalui perintah atau larangan (Nurul Hudaini Md Nawi & Baharudin Othman, 2018). Manakala dari aspek falsafah, al-Ghazali (1994) menjelaskan akhlak adalah satu keadaan yang sehati dalam diri manusia yang akan melahirkan perbuatan-perbuatan dengan mudah dan senang tanpa perlu fikir dan kaji. Jika keadaan itu melahirkan perbuatan-perbuatan baik daripada sudut akal dan syarak dengan mudah, ia dinamakan akhlak yang baik. Sebaliknya, jika lahir darinya perbuatan-perbuatan buruk, ia dinamakan akhlak buruk. Dalam aspek kemasyarakatan, Ibn Miskawyh memberi penekanan bahawa realisasi akhlak yang baik seperti kasih sayang dan persahabatan dapat diterjemahkan dalam interaksi sosial antara manusia. Ibn Miskawayh mengkritik amalan menjauhkan diri daripada masyarakat awam seperti yang dilakukan oleh para rahib. Fitrahnya manusia perlu hidup dan berakhlak mulia dalam keluarga dan masyarakat. Oleh itu, perlu dipertingkatkan pendidikan akhlak dan nilai murni dalam masyarakat (Kamal Azmi Abd. Rahman, 2016).

Sejajar dengan konsep tersebut, amat penting pendidikan etika atau akhlak dalam membawa masyarakat kembali kepada nila-nilai Islam. Oleh itu, pendidikan etika yang digunakan dalam kertas kerja ini merujuk kepada proses pembentukan, pendidikan yang didasari ilmu bersifat holistik dalam mendidik etika masyarakat. Walaupun perbincangan etika sering dinyatakan dalam bentuk teoretikal, namun etika Islam membuktikan bahawa ia mampu dilaksanakan sebagai ahli masyarakat serta memenuhi fitrahnya sebagai makhluk Allah SWT. Terdapat dua elemen penting dalam pendidikan etika iaitu pertama, ilmu yang bertunjangkan wahyu dan kedua, tingkah laku yang terhasil daripada kefahaman ilmu tersebut. Tingkah laku tersebut merupakan adab dan akhlak yang terpuji sekali gus dapat menyelesaikan isu-isu sosial, kemasyarakatan, politik, ekonomi, budaya, pendidikan serta lain-lain lagi.

4.2 Surah al-Balad

Penamaan surah al-Balad yang bermaksud negeri adalah melalui ayat pertama. Dan ia merujuk kepada tanah haram yang didoakan oleh Nabi

Ibrahim AS, iaitu Makkah al-Mukarramah (Muhammad Syaari, 2017). Makkah yang terdapat padanya Baitullah ialah tempat rumah ibadat yang pertama didirikan oleh Allah SWT kepada manusia untuk menjadi kiblat umat Islam. Di sini adalah tempat yang tidak harus diletakkan senjata, pergaduhan, permusuhan dan diharamkan pencerobohan antara satu sama lain (Syed Qutb, t.t)

Surah ini tergolong dalam surah *Makiyyah*, memberi maksud ia diturunkan sebelum berlakunya hijrah Nabi SAW ke Madinah. Surah ini berada pada juzuk Amma atau juzuk 30. Perkaitan antara surah ini dengan surah sebelumnya ialah: Pertama, surah sebelum menceritakan berkaitan Allah mengeji orang-orang yang memuja harta, membolot harta pusaka, dan tidak mahu menggalakkan orang kaya memberi makan kepada orang miskin. Manakala surah ini menyebut beberapa tanggungjawab yang dituntut daripada orang yang mempunyai harta seperti membebaskan hamba dan memberi bantuan makanan ketika berlaku kemelesetan ekonomi dan kebuluran. Kedua, di hujung surah sebelum, menyebut keadaan jiwa yang tenang di akhirat. Manakala surah ini menyebut cara mencari ketenangan (Wahbah al-Zuhaili, 2009).

Surah al-Balad dimulakan dengan satu sumpahan daripada Allah SWT. Apabila Allah memulakan sesuatu surah dengan sumpahan pastilah ada perkara penting yang hendak disampaikan selepas itu. Ini kerana sifat sumpahan atau *qasam* adalah untuk menguatkan suatu pengkhabaran dengan menggunakan unsur-unsur sumpah. Jadi yang dimaksudkan sumpah dalam al-Quran adalah Allah SWT sedang menguatkan berita daripada-Nya melalui firman-Nya dengan menggunakan unsur-unsur sumpah (Kazim Fathi al-Rawi, 1977).

4.3 Kaedah Pendidikan Etika Menurut Perspektif Surah al-Balad

Perbincangan kaedah pendidikan etika menurut perspektif surah al-Balad dimulakan dengan permasalahan yang berlaku dari awal pandemik COVID-19 secara amnya dan secara khususnya ketika Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan. Kemudiannya disusuli dengan perbincangan merujuk kepada surah al-Balad.

4.3.1 Pemerkasaan Institusi Kekeluargaan

Ayat al-Quran selamanya relevan sehingga hari Kiamat. Ayat pertama surah al-Balad adalah Allah bersumpah tentang negeri. Sememangnya ia bermaksud Mekkah dan sumpahan itu pastilah disusuli dengan pengkhabaran penting selepasnya. Walaubagaimanapun, apabila proses *tadabbur* dijalankan dan diambil *ibrah*, penekanan selepas sumpahan itu turut dapat diguna pakai pada masa kini. Setelah ayat sumpahan negeri, Allah meneruskan sumpahan

yang menyentuh berkaitan bapa dan anak-anak iaitu pada ayat ketiga. Menurut Syed Qutb (t.t), sumpahan terhadap bapa dan anak ini adalah untuk menarik perhatian betapa pentingnya peringkat melahirkan anak dalam proses kewujudan manusia. Memberi maksud tonggak utama dalam pembinaan keluarga adalah kewujudan bapa. Daripada seorang bapa, maka berkembanglah keturunan. Manakala menurut HAMKA dalam tafsirnya (2019) kalimah *wa ma walada* yang bererti “dan apa yang dia diperanakkan”. Penggunaan *wa ma* adalah menunjukkan apa yang dilahirkan. Bukan siapa yang melahirkan. Memberi maksud peranan bapa dalam melahirkan apa yang anaknya akan jadi pada masa hadapan, apa didikan yang akan diterima dan apa suasana kehidupan yang akan dilalui oleh anak (HAMKA, 2019).

Keluarga adalah tunjang kepada keampuhan sistem sesuatu masyarakat dan negara. Ini kerana pendidikan pertama anak-anak adalah datangnya daripada keluarga. Terdapat dua isu besar yang terkait dengan pendidikan etika yang berlangsung di sepanjang pandemik ini berlaku yang melibatkan institusi kekeluargaan. Pertama, penceraian suami dan isteri yang menatijahkan hilangnya peranan salah seorang ibubapa dalam pendidikan. Kedua, pertambahan kes-kes yang melibatkan seksual yang berlaku dalam rumah sendiri. Untuk isu yang pertama, merujuk kepada laporan yang telah dikeluarkan oleh Kosmo bertarikh 24 Ogos 2021 memperlihatkan bahawa pandemik COVID-19 bukan sahaja mengundang krisis kesihatan dan kegawatan ekonomi, malah telah menyebabkan 71,806 pasangan suami isteri beragama Islam di seluruh negara mendaftarkan penceraian sejak awal tahun 2021 sehingga 29 Jun yang lalu. Ini memberi maksud secara purata 132 pasangan suami isteri dalam masa sehari dalam proses berpisah (Kosmo, 2021).

Manakala merujuk kepada isu yang kedua, sebagaimana laporan Sinar Harian pada 14 September 2021 bahawa bapa kandung menjadi pelaku tertinggi direkodkan menyumbang kepada kes jenayah sumbang mahram negara ini. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Siasatan Seksual, Wanita dan Kanak-kanak (D11) Bukit Aman, Asisten Komisioner Siti Kamsiah Hassan berkata, berdasarkan jumlah yang direkodkan sejak tahun 2019 hingga Februari 2021, sebanyak 169 kes dilaporkan melibatkan bapa kandung sebagai pelaku. Menurutnya, jumlah itu diikuti oleh bapa tiri dengan 155 kes, bapa saudara (100 kes) dan abang kandung (55 kes). “Sumbang mahram melibatkan pelaku dalam kalangan ahli keluarga terdekat kerana disebabkan suspek ada ‘kuasa’ dalam keluarga (Sinar Harian, 2021).

Melihat kepada isu di atas, pemerkasaan institusi keluarga merupakan prioriti utama. Di sinilah ruang kembali kepada petunjuk al-Quran untuk memberikan jalan penyelesaian. Pemerkasaan institusi keluarga bermula daripada kepala keluarga itu sendiri iaitu seorang bapa. Peranan seorang bapa sangat mempengaruhi keharmonian dalam hubungan kekeluargaan dan sangat mempengaruhi emosi seorang ibu terhadap anak. Menurut Harmaini,

Vivik dan Alma (2014), terdapat tiga peranan utama seorang bapa. Pertama, bapa mestilah menjadi tonggak utama dalam mendidik anaknya dalam urusan agama. Sebelum seseorang bapa itu memberi pendidikan agama kepada anak-anaknya, sudah pasti bapa tersebut terlebih dahulu menyiapkan dirinya dengan didikan agama. Meletakkan ketaatan yang tinggi kepada Allah dan mengamalkan segala suruhan-Nya dengan bersungguh-sungguh. Kedua, seorang bapa haruslah mengambil peranan sebagai pemimpin dalam keluarganya. Seorang pemimpin itu sifatnya melindungi, mempertahankan dan penunjuk arah. Maka pemimpin dalam al-Quran bersifat melindungi dan mempertahankan daripada sebarang kecelakaan, keburukan dan kemurkaan Allah. Manakala penunjuk arah adalah menunjukkan jalan yang membawa kepada ketaatan kepada Allah.

Dan ketiga, seorang bapa haruslah bertanggungjawab dan berdisiplin. Selain itu, peranan bapa itu dapat dilihat dari sudut bagaimana komunikasi mereka dengan anak-anak. Komunikasi yang dimaksudkan sama ada berbentuk perbualan seharian, gerak tubuh dan perbincangan harmoni. Dan komunikasi cara ini perlu mengambil kira latar belakang dan kedudukan setiap pihak yang terlibat dalam memastikan komunikasi tersebut tidak tersasar daripada objektif yang telah ditetapkan (Khairul Azhar, 2017).

Seorang bapa adalah tonggak utama dalam keluarga. Peranan serta tanggungjawab mereka sangat besar kerana di tangan mereka terbentuk didikan sesebuah keluarga. Jika seseorang bapa itu taat kepada Allah, pasti mereka akan mencorakkan keluarga mereka untuk taat kepada Allah. Sumpahan Allah tentang bapa dalam surah al-Balad tidak lain untuk menunjukkan peranan mereka. Selain itu sebagaimana dalam surah al-Nisa' ayat ke 34, Allah menyebut bahawa lelaki adalah pemimpin kepada wanita. Pemimpin adalah bersifat melindungi, memelihara dan memastikan apa yang dipimpin berada dalam keadaan selamat dan sejahtera. Apabila seseorang bapa itu menjalankan tugas sesuai dengan pesanan Allah sebagaimana dalam al-Quran, maka akan lahir keluarga yang benar-benar aman, damai dan taat kepada Allah. Apabila terbentuk keluarga seperti ini, maka masyarakat dan negara juga akan berada dalam keadaan sejahtera dan penuh rahmat. Oleh itu, tonggak utama dalam pendidikan etika adalah datangnya dari seorang bapa.

4.3.2 *Penjagaan Mata, Lidah dan Sepasang Bibir*

Pendidikan etika berkaitan dengan penjagaan mata, lidah dan penulisan juga sangat penting. Pemberian mata oleh Allah SWT merujuk kepada surah al-Balad ayat ke 8 adalah digunakan untuk melihat. Melihat perkara-perkara yang membawa kebaikan dan kesejahteraan. Begitu juga dengan pengurniaan lidah, ia digunakan untuk bercakap yang baik, untuk bertanya kepada yang pandai jika tidak mengerti dan untuk sentiasa mengingatkan Allah. Manakala

pengurniaan dua bibir adalah berkaitan dengan lidah. Bibir mampu mengekang lidah ketika bertutur. Apabila ingin dilontarkan perkataan yang tidak baik, bibir mampu menutup dan menghalang (HAMKA, 2018). Pengurniaan tiga nikmat besar ini sepatutnya menjadikan manusia hamba yang bersyukur. Dan membawa manusia untuk memilih jalan kebaikan dan kebahagiaan dengan segera bertindak ke arah keimanan dan amalan yang soleh (Wahbah al-Zuhaili, 2009).

Pemahaman pengurniaan nikmat mata untuk melihat perkara-perkara yang baik, lidah dan bibir untuk menurut perkara yang membawa kebaikan akan menatijahkan kebahagiaan yang bukan sahaja kepada individu malah membawa kepada kesejahteraan negara lebih-lebih lagi ketika musim pandemik COVID-19. Tuturkata yang baik dan sopan dapat dilihat melalui lontaran idea dan penulisan yang dimuatkan melalui mana-mana medium media sosial. Penulisan yang baik dan sopan adalah penulisan yang berbentuk mengajak kepada kebaikan, motivasi pembinaan diri dan membawa manfaat. Manakala penulisan yang tidak baik adalah penulisan berbentuk gosip, mengumpat, mengata, menjatuhkan orang lain dan paling malang adalah penulisan berbentuk memfitnah orang lain. Untuk mensyukuri nikmat mata, lidah dan bibir yang Allah kurniakan serta mengikuti panduan Allah SWT, seseorang mestilah berhati-hati dalam melontarkan pandangan, berusaha untuk sentiasa menghasilkan penulisan yang baik dan sopan serta menjauhi daripada memuat naik penulisan yang tidak baik dan buruk.

Penekanan dalam penggunaan mata, lidah dan sepasang bibir mengikut acuan al-Quran adalah bertitik tolak daripada ledakan kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) telah banyak memudahkan kehidupan masyarakat. Banyak urusan dan perkhidmatan mampu diakses dan diuruskan secara atas talian (online) dengan pantas. Apatah lagi sepanjang tempoh PKP, secara tidak langsung rakyat Malaysia telah diperkenalkan dengan suatu norma baharu, antaranya penggunaan media sosial dan aplikasi atas talian bagi pelbagai tujuan dan keperluan. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) melaporkan peningkatan permintaan terhadap jalur lebar secara mendadak sejak pelaksanaan PKP kerana aktiviti perniagaan, pembelajaran, persidangan, mesyuarat dan sebagainya dijalankan dari rumah. Pematuhan terhadap PKP yang dilaksanakan menyaksikan peningkatan sebanyak 23.5% dalam aliran trafik Internet di seluruh negara pada minggu pertama PKP, dan seterusnya meningkat lagi sebanyak 8.6% pada minggu kedua (SKMM, 2020).

Sekalipun media sosial atau aplikasi atas talian mempunyai kelebihan, tetapi terdapat juga impak dari sudut negatif berkaitan penggunaan medium media sosial dengan begitu lama dalam musim PKP ini. Antaranya berlakunya penipuan atas talian, buli siber serta berita palsu dan berbau hasutan sama ada sebagai pelaku atau mangsa. Lihat sahaja laporan media baru-baru ini, rakyat Malaysia telah menyerang dengan kata-kata kutukan

dan tohmahan yang dahsyat kepada atlet daripada Ukraine apabila atlet Malaysia Muhammad Ziyad Zolkefli telah dibatalkan penyertaan jaguh lontar peluru para negara dalam acara akhir di Paralimpik Tokyo. Ia pada awalnya didakwa memenangi pingat emas dan memecahkan rekod dunia (Harian Metro, 2021).

Mengambil *ibrah* dari petunjuk al-Quran melalui surah al-Balad pada ayat ke-8 dan 9, walau apa pun ujian, keadaan dan kekangan yang kita hadapi, uruslah ia dengan sebaik mungkin. Peliharalah mata, lidah dan sepasang bibir daripada melakukan perkara yang dilarang Allah dan perkara yang membawa kemudaratan sama ada pada diri sendiri mahupun orang sekeliling.

4.3.3 Menghulurkan Sumbangan

Pendidikan etika yang ketiga dapat diaplikasikan menurut perspektif surah al-Balad di musim pendemik COVID-19 adalah dengan memperbanyakkan memberi, infak dan juga sedekah. Ini dapat dilihat menerusi ayat ke-14 sehingga 16. Pada ayat ke 14, Allah SWT memerintahkan untuk memberi makan pada hari terjadinya kelaparan. Pemberian makanan pada waktu ini secara tidak langsung adalah saranan untuk melaksanakan infak atau sedekah. Apatah lagi, jika dikurniakan kelebihan, gaji masih berjalan, simpanan masih tidak terusik maka sewajarnya diaplikasikan pesanan Allah menerusi surah al-Balad ini dengan penuh ketaatan. Pada ayat ke-15 dan 16, Allah secara spesifik meletakkan golongan yang mesti dibantu iaitu anak yatim dan orang miskin yang sangat fakir. Walaubagaimanapun, perbincangan tentang anak yatim akan dibincangkankah pada bahagian seterusnya.

Ayat ke-14 dan 16 adalah ayat yang bukan sahaja untuk dibaca malah untuk diaplikasikan oleh segenap umat manusia. Menurut HAMKA, memberi orang makan, membahagi-bahagikan beras atau gandum, apa sahaja makanan yang mengenyangkan saat musim sukar, di musim rosak hasil bumi, semua orang kelaparan, harga makanan sangat tinggi, banyak orang melarat, kemudian datang orang hartawan dan dermawan membeli beras dengan banyaknya serta membahagi-bahagikan dengan segala kerendahan hati dan tidak mempedulikan jalan mendaki yang sukar akibat kekayaannya akan berkurang disebabkan memberi. Ini kerana dia telah memupuk imannya sendiri (HAMKA, 2018).

Cara menyahut perintah Allah adalah dengan berterusan mencari golongan yang susah, gembirakan mereka dengan menghulurkan bantuan makanan dan kewangan. Tidakkan pernah rugi orang yang berinfaq sebagaimana firman Allah “Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai, tiap-tiap tangkai itu pula mengandung seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala

bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurnia-Nya, lagi Meliputi ilmu pengetahuan-Nya. (Surah al-Baqarah, 261).

Antara kesan besar dengan kehadiran wabak COVID-19 ialah impak dari sudut ekonomi. Ketika PKP, kebanyakan sektor pekerjaan atau apa sahaja yang menjana sumber pendapatan terpaksa di tutup termasuklah buruh binaan, perkhidmatan mengemas rumah, restoran, penjaja jalanan dan sebagainya. Keadaan ini menyebabkan terputus sumber kewangan dan mengakibatkan berlaku ketiadaan wang untuk membayar sewa rumah, membayar kereta bahkan yang lebih teruk tiadanya bekalan makanan. Sebagaimana yang dilaporkan dalam Harian Metro, tiga beranak terputus bekalan makanan, “M Tamil Selvee, 52, berkata dia sanggup mengetepikan rasa malu kerana memikirkan perut ibunya berusia 75 tahun dan anak lelakinya berusia 24 tahun termasuk dirinya yang kelaparan.” Beliau merupakan tukang cuci di sebuah kilang (Harian Metro, 2021). Dalam laporan yang lain, ada yang mengadu dihalau rumah sewa kerana bayaran tertunggak selama beberapa bulan (Berita Harian, 2020).

Oleh itu, pendidikan etika ketiga yang mesti dididik, diterapkan dan dilaksanakan adalah kecaknaan terhadap kesusahan orang lain dan tidak lokek dalam menghulurkan bantuan atau sumbangan. Tidak hanya memikirkan diri dan keluarga sendiri tetapi melihat dan membantu orang sekeliling.

4.3.4 Memartabatkan Anak Yatim

Menelusuri ayat ke-15 surah al-Balad, Allah menekankan golongan yang sepatutnya terlebih dahulu dibantu adalah anak yatim yang mempunyai hubungan kerabat (HAMKA, 2018). Ditekankan kaum kerabat kerana anak-anak yatim dalam masyarakat jahiliah yang kafir dan tamak itu mengalami berbagai-bagai penindasan dan penganiayaan walaupun mereka mempunyai kerabat atau kaum keluarga (Syed Qutb, t.t). Walaubagaimanapun jika sekiranya kaum kerabat anak yatim tersebut tidak mampu dan mempunyai masalah tersendiri, maka masyarakat sekeliling mestilah mengambil peranan.

Di dalam al-Quran penuh dengan anjuran supaya melindungi anak-anak yatim, memberi makan dan tempat tinggal, larangan menganiayai mereka dan yang paling utama larangan daripada memakan harta mereka (Syed Qutb, t.t). Kepentingan dan kebaikan memelihara, memuliakan dan mengasihi anak yatim ini cukup besar. Sehingga Nabi SAW bersabda yang bermaksud “Aku dan pemelihara anak yatim di dalam syurga seperti ini, lalu merapatkan (dan menunjukkan) dua jarinya iaitu jari telunjuk dan jari tengah” (Hadith Riwayat Abu Daud). Sangat tinggi kedudukan sesiapa yang menjaga anak yatim. Antara sebab besarnya ganjaran orang yang menjaga anak yatim adalah kerana anak yatim ini telah kehilangan orang yang mereka kasihi dan sayangi menjadikan emosi dan perasaan

mereka terganggu dan membawa mereka untuk mudah melakukan perkara yang tidak disenangi (Asep Irawati, 2008).

Merujuk kepada laporan akhbar Harian Metro bertarikh 24 Ogos 2021 menunjukkan bahawa 1,517 pelajar di seluruh negara disahkan menjadi anak yatim atau yatim piatu akibat kematian salah seorang ibu bapa atau kedua-duanya sekali akibat virus COVID-19. Dengan kematian salah seorang atau kedua-duanya ibu dan bapa menyebabkan hilangnya tempat bergantung dalam kehidupan dari sudut sumber makanan dan tempat tinggal, hilangnya tangan yang lembut yang mengasuhnya dan kepimpinan yang sempurna yang mengangkat kedudukannya. Kelima-lima perkara ini adalah sangat penting diberi perhatian. Dengan memandang enteng hal ini mampu menatijahkan anak yatim ini menjadi liar. Maka terlibatlah dalam pelbagai salah laku masalah sosial dan akhirnya mampu membawa kepada jenayah (Abdullah Nasih Ulwan, 1996). Lima kekurangan yang dialami oleh anak yatim ini, membawa mereka memerlukan dahan untuk berpaut. Mereka akan terasa ringan dan tenang jika ada insan-insan lain yang hadir menghulurkan tangan, peduli hal ehwal dalaman dan keperluan luaran mereka (Asep Irawati, 2008). Sama ada ia datang dari masyarakat sekeliling apatah lagi daripada kaum kerabat.

Oleh itu, pendidikan etika yang dapat dikeluarkan menerusi ayat ke-15 surah al-Balad ini adalah menghulurkan bantuan kepada anak yatim. Masyarakat sekeliling perlulah untuk sama-sama hadir dan menghulurkan bantuan kepada mereka yang telah menjadi anak yatim. Perkara yang mesti dihulurkan adalah bantuan makanan, kewangan dan tempat tinggal. Kemudian anak-anak yatim mestilah dibantu dari sudut pembangunan emosi dan perasaan yang positif. Selain itu, masyarakat sekeliling haruslah dididik untuk meraikan, menyantuni dan menjaga kebajikan anak yatim. Dan mendidik masyarakat agar tidak memandang rendah golongan anak yatim ini apatah lagi menyisihkan mereka.

4.3.5 Berpesan-Pesan kepada Kebaikan dan Kasih Sayang

Allah SWT menutup surah al-Balad dengan empat ayat terakhir yang dimulakan dengan petunjuk golongan kanan iaitu golongan orang-orang yang beriman. Sifat mereka ini adalah sentiasa berpesan-pesan dalam kesabaran, kebaikan dan kasih sayang. Kesabaran pada umumnya merupakan unsur asasi bagi keimanan dan khususnya merupakan unsur asasi bagi perjuangan menempuh jalan yang sukar. Sikap saling berpesan supaya bersabar merupakan satu darjat yang tinggi. Di belakang kesabaran itu sendiri iaitu darjat perpaduan masyarakat Islam yang saling berpesan supaya bersifat sabar dan saling membantu untuk melaksanakan tugas-tugas keimanan. Kerana itu mereka merupakan anggota-anggota masyarakat yang mempunyai perasaan yang padu dan sama dalam menghadapi kesulitan perjuangan untuk

merealisasikan keimanan di bumi dan untuk memikul tugas-tugasnya. Begitu juga dengan saling berpesan supaya bersikap belas kasihan atau penyayang merupakan satu perjuangan tambahan kepada sikap belas kasihan itu sendiri. Ia bertujuan menyebarkan kewajipan saling sayang-menyayangi di dalam masyarakat mukmin melalui pesan memesan antara satu sama lain (Syed Qutb, t.t)

Jelas menunjukkan ayat ke-17 dan 18 surah al-Balad mengajak manusia untuk berpesan-pesan kepada kesabaran. Dalam menghadapi suasana pandemik COVID-19, berpesan dengan kesabaran iaitu bersabar menghadapi kesukaran, kekurangan dan tekanan berada di rumah kerana PKP, berpesan kepada kesabaran untuk mengekang nafsu dan memelihara anggota tubuh daripada melakukan perkara-perkara yang dimurkai Allah termasuk juga sumbang mahram, memfitnah, mengumpat dan menyebarkan berita yang membawa ketakutan tidak berasas kepada masyarakat dan sebagainya. Selain itu, berpesan kepada kasih sayang adalah dengan menyebarkan aura positif, ketenangan, bahasa yang baik, sopan dan sebagainya. Memuat naik kiriman di media sosial dengan perkara-perkara yang baik, membantu masyarakat yang memerlukan bantuan dan meraikan anak yatim adalah antara elemen berpesan-pesan kepada kebaikan dan kasih sayang.

Manakala ayat ke-19 dan 20 sebagai penutup surah al-Balad, Allah menyebut berkaitan golongan kiri. Golongan kiri ialah orang yang kafir. Mereka ini tidak mahu percaya segala keterangan dan bimbingan yang diberikan Allah melalui para Rasul-Nya. Dan sudah pasti tempat mereka ini adalah di dalam neraka (Hamka, 2018). Ini jelas menunjukkan golongan kiri ini adalah golongan yang bertentangan dengan golongan kanan. Sikap, perangai dan sifat mereka ini mestilah dijauhi.

5. Penutup

Untuk melahirkan masyarakat yang beretika dan mengikuti rukun negara kelima iaitu kesopanan dan kesusilaan sama ada ketika suasana tanpa pandemik apatah lagi di musim pandemik adalah dengan menerapkan pendidikan kepada mereka. Pendidikan ini mestilah diberikan sama ada secara langsung ataupun tidak langsung. Tiada istilah terlambat dalam soal pendidikan, yang ada adalah terus bermula tanpa lelah. Petunjuk al-Quran melalui surah al-Balad jelas menunjukkan pendidikan bertujuan menjadikan negara berada dalam keamanan dan masyarakat berada dalam ketenangan dan berkasih sayang bermula daripada rumah. Peranan seorang ayah menjadi tonggak utama dalam mendidik dan memastikan anak-anak generasinya menjadi manusia yang beretika dan memberi manfaat kepada sekelilingnya. Seterusnya, pendidikan etika yang mesti diterapkan adalah bagaimana hendak berinteraksi dengan masyarakat sekeliling. Pelihara mata apatah lagi

lidah daripada melontarkan komentar negatif yang menyakitkan orang lain atau mengadakan fitnah dan membawa berita palsu yang mampu membawa porak-peranda. Kemudian, pendidikan etika yang diperlukan adalah cakna dengan sekeliling. Tidak lokek dalam menghulurkan sumbangan kepada golongan miskin atau yang terputus bekalan mahupun kepada anak-anak yatim yang kehilangan insan tersayang. Dan pendidikan etika yang terakhir adalah mendidik untuk sentiasa memberi berita gembira, bercakap perkara yang baik-baik dan penuh kasih sayang.

Rujukan

- Ab. Halim Tamuri dan Nurhanani Hussin. 2015. Pembentukan Masyarakat Islam Dan Sistem Pendidikan Menurut Pemikiran Ibnu Khaldun. *Journal of Islamic and Arabic Education* 7(2), 9-17.
- Abdurezak A. Hashi. 2011. Islamic ethics: An outline of its principles and scope. *Revelation and Science*, 01, 03, 122-130
- Abdullah Nasih 'Ulwan. 1996. *Tarbiyyat al-Aulād fī al-Islām*. Beirut: Dār al-Fikr al-Mu'asir. jil. 1, 107-108.
- Amir Mohd Nason dan Mohd Shukri Hanapi. 2019. Penerapan Pendekatan Pendidikan Berasaskan Qalbu Dalam Pembelajaran Abad Ke-21: Cabaran Dan Harapan. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*. 20(1), 33-48
- Asep Irawati. 2008. Anak Yatim Pandangan M. Qurais Shihab Dalam Tafsir al-Misbah. Disertasi Ijazah Sarjana Fakultas Dakwah Universiti Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta. Diakses daripada efaidnbmnnnibpajpcglclefindmkaj/viewer.html?pdfurl=http%3A%2F%2Fdigilib.uin-suka.ac.id%2Ffid%2Feprint%2F2751%2F1%2FBAB%2520I%2C%2520V%2C%2520DAFTAR%2520PUSTAKA.pdf&clen=1004992&chunk=true pada
- Balkish Awang. 2021. Stress Pembunuh dalam Senyap. shorturl.at/oyNQ9. Diakses pada 9 September 2021.
- Berita Harian. 2020. Dua hari tak jamah makanan, dihalau rumah sewa. Diakses daripada <https://www.bharian.com.my/hiburan/selebriti/2020/05/688588/dua-hari-tak-jamah-makanan-dihalau-rumah-sewa>
- Eddy Aqmal Mohamed Hamidi. 2021. 7 juta lagi bakal hilang pekerjaan. Diakses dari shorturl.at/mwxxC. Pada 9 September 2021
- Fazlur Rahman. 1995. *Islam: Ideology and the Way of Life*. Kuala Lumpur: A.S. Noordeen
- Hafidzul Hilmi Mohd Noor. 2021. Pelaksanaan PKP beri kesan kepada trend jenayah. Diakses dari shorturl.at/hvQ27 pada 8 September 2021
- HAMKA. 2018. Tafsir al-Azhar. Selangor: Batu Caves. Juzuk 30. Cet. Ke-4. Hlm. 211-216.
- Hasimi Muhammad. 2020. COVID-19: Hampir 100,000 hilang kerja sejak Januari - Timbalan Menteri. Diakses dari shorturl.at/zCVX3. Pada 8 September 2021
- Harian Metro. 2021. Bantuan tiba sejam selepas kibar bendera putih. Diakses daripada <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/07/726355/bantuan-tiba-sejam-selepas-kibar-bendera-putih>
- Harian Metro. 2021. 1517 hilang kasih sayang. Diakses daripada <https://www.hmetro.com.my/utama/2021/08/746263/1517-hilang-kasih-sayang>
- Ikhwan Lubis SE, MM, Maimun Aqsha Lubis, Siti Hajar Taib, Mohd Azaharin Ismail & Wan Ali Akhbar Wan Abdullah. 2021. Dasar Falsafah Dan Polisi Pendidikan Bersepadu: Pengalaman Malaysia. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 4 (1), 1-19.

- Isabelle Leong. 2021. COVID-19: Tahap keresahan, tekanan rakyat Malaysia paling tinggi – Ipsos. Diakses dari shorturl.at/dgrBF. Pada 9 September 2021.
- Kamal Azmi Abd Rahman. 2016. Falsafah Akhlak Miskawayh. Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah Dan Syariah 2016 (IRSYAD 2016).
- Kamal Azmi Abd Rahman, Indriaty Ismail dan Mohd Nasir Omar. (2015). Kecelaruhan Nilai Dalam Falsafah Etika. Jurnal Pengajian Islam, Akademi Islam, KUIS. Bil 8, Isu 1., 131-144
- Kazīm Fathi al-Rāwī. 1977. *Asālīb al-Qasam fī Lughah al-Arābiyah*. Baghdad: Mathba'ah al-Jamiah. Hlm. 30.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. 2021. Kemaskini Negeri COVID-19 di Malaysia Sehingga 31 Ogos 2021. Diakses daripada <https://covid-19.moh.gov.my/terkini-negeri/2021/08/kemaskini-negeri-covid-19-di-malaysia-sehingga-31082021>
- Khairul Azhar Meerangani. 2017. Kaedah Pembentukan Karakter Anak-anak Menurut Islam: Analisis Surah Luqman. Prosiding Seminar Antarabangsa Pembangunan Insan 2017 Kolej Universiti Islam Melaka. Hlm. 3.
- Kosmo. 24 Ogos 2021. Sehari 132 pasangan daftar penceraian. Diakses daripada <https://www.kosmo.com.my/2021/08/24/sehari-132-pasangan-bercerai/>
- Mansoureh Ebrahimi & Kamaruzaman Yusoff. 2017. Islamic Identity, Ethical Principles and Human Values. European Journal of Multidisciplinary Studies. Vol.6, Nr.1, 325-336
- Mardzelah Makhsin. 2006. Sains Pemikiran dan Etika. PTS Pendidikan: Batu Caves
- Mohd Kamal Hassan. 2012. Membangun Modal Insan Melayu Dalam Sistem Pendidikan Islam. Kertas kerja yang dibentangkan semasa Perbincangan Meja Bulat Mengarusperdanakan Sistem Pendidikan Islam di Malaysia pada 5 Jun 2012 dianjurkan oleh Dewan Amal Islami (DAMAI) bertempat di Kuala Lumpur.
- Nurul Hudaini Md Nawī dan Baharudin Othman. 2018. Konsep Moral Dalam Perspektif Islam dan Barat. Al-Hikmah. 10 (2) 2018, 3-16
- Ruslan Hassan, Farid Mat Zain, Kaseh Abu Bakar dan Azmul Fahimi. 2020. Kefahaman Nilai Etika Dan Moral Pelajar Di Institusi Pengajian Tinggi: Satu Sorotan Literatur. *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*. Vol 21(2020),126–141
- Rusliza Othman dan Kamarul Shukri Mat Teh. 2018. Konsep ta'dib menurut perspektif islam: peranan pendidik dalam pendidikan masa kini. In: Seminar PdPc Abad Ke-21 dan Karnival Inovasi Peringkat Kebangsaan 2018, 23 Apr 2018, IPGK Sultan Mizan.
- Saharia Ismail. 2015. Pembangunan Insan Dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. *Journal of Human Capital Development*. Vol. 8 No. 2 July - December 2015. 83-99
- Shaik Abdullah Hassan Mydin, Abdul Salam Muhammad Shukri dan Mohd Abbas Andul Razak. 2020. Peranan Akhlak dalam Kehidupan : Tinjauan Wacana Akhlak Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*. 21 (1): 38-54
- Sinar Harian. 14 September 2021. Bapa kandung paling ramai ratah anak. Diakses daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/132679/LAPORAN-KHAS/Bapa-kandung-paling-ramai-ratah-anak>
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. (9 April 2020). Kenyataan Media: Perubahan Corak Penggunaan Pengaruhi Kelajuan Internet Di Malaysia. Diakses daripada <https://www.mcmc.gov.my/ms/media/press-releases/media-statement-changing-usage-patterns-influence>
- Syed Qutb. t.t. *Fī Zilāl al-Qurān*. Diakses daripada [chrome-extension://efaidnbmnnnibpccjpcglclefindmkaj/viewer.html?pdfurl=https%3A%2F%2Ftafsirzilal.files.wordpress.com%2F2012%2F06%2F90.pdf&clen=178236&chunk=true](https://efaidnbmnnnibpccjpcglclefindmkaj/viewer.html?pdfurl=https%3A%2F%2Ftafsirzilal.files.wordpress.com%2F2012%2F06%2F90.pdf&clen=178236&chunk=true)

Pendidikan Etika dalam Mendepani Pandemi COVID-19:
Analisis Menurut Perspektif Surah Al-Balad

- Tengku Alina Tengku Ismail & Zaharah Sulaiman. 2020. Kesejahteraan Rumah Tangga Semasa Perintah Kawalan Pergerakan. shorturl.at/rvwBD. Diakses pada 9 September 2021.
- Wahbah al-Zuhaili. 2009. *Al-Taḥsīn al-Munīr fī al-‘Aqūdah, wa al-Syarāh wa al-Manhāj*. Bayrut: Dār al-Fikr. Cet. 10, 624-638.
- Zuraidah Othman. 2012. Tajdid Ilmu Dan Pendidikan : Tinjauan Apresiatif Terhadap Pemikiran Pendidikan Islam Sidek Baba. Diakses dari <http://malrep.uum.edu.my/rep/Record/my.um.eprints.13962>